

**PENENTU PEMILIHAN PELABURAN DANA
UNIT AMANAH ISLAM**

MOHD 'ADLI BIN ZAHRI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2019

**PENENTU PEMILIHAN PELABURAN DANA
UNIT AMANAH ISLAM**

oleh

MOHD 'ADLI BIN ZAHRI

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Ogos 2019

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah SWT Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan izinNya, tesis ini dapat dihasilkan. Selawat dan Salam untuk junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Semoga usaha penulisan tesis ini diterima sebagai ibadah untuk memperkayakan ilmu dan mendapatkan keredhaan Allah SWT.

Penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Prof. Madya Dr Zakaria Bahari selaku penyelia utama dan penyelia bersama Dr Azreen Hamiza Abdul Aziz kerana tidak pernah jemu memberi bimbingan, nasihat, tunjuk ajar dan teguran sepanjang proses penghasilan tesis ini. Segala komitmen dan perhatian yang ditunjukkan telah memberi dorongan dan motivasi kepada pengkaji untuk menyempurnakan tesis ini. Semoga Allah SWT membalas dan memberi ganjaran yang sebaiknya, InsyaAllah.

Begitu juga penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pengasas, Prof. Muhammad Syukri Salleh dan para pensyarah di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) atas segala tunjuk ajar dan sokongan yang diberikan serta tempat rujukan pengkaji. Kepakaran para pensyarah di ISDEV banyak membantu pengkaji dalam memperbaiki penulisan tesis ini. Seterusnya ucapan terima kasih juga kepada sahabat-sahabat, staf ISDEV dan lain-lain yang sentiasa memberi sokongan dan bantuan di sepanjang perjalanan tesis ini. Hanya Allah SWT yang mampu membalas segala kebaikan yang telah dihulurkan.

Penghargaan dan terima kasih saya tujukan kepada Encik Adly pengurus Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) cawangan Kota Bharu, Encik Tengku Aiman dari Public Bank cawangan Tanah Merah, Encik Abdul Razak dari Syarikat Air Kelantan Sdn. Bhd. dan Encik Abdul Wahab dari Sekolah Kebangsaan Kedai Piah.

Akhirnya ialah penghargaan yang teristimewa kepada Allahyarham Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Awang Abdul Karim, Allahyarhamah Nenda Che Zahrah Che Mat, ibunda Norjan Ab Muin, ayahanda Zahri Hamat, adik beradik Mohd 'Ariff, Mohd Adnin, Fatin 'Alia, ibu mertua Kamariah Ismail, ayah mertua Mohd Yusoff Ibrahim dan isteri tercinta Nur Farhana serta anak-anak Muhammad Al Fateh dan Muhammad Al Fayyadh yang telah berkorban masa, kewangan, perasaan dan atas sokongan sepanjang pengajian pengkaji dalam menyiapkan tesis ini. Semoga segala usaha, pengalaman dan ilmu yang diperoleh sepanjang kajian ini mendapat keredaan dan keberkatan serta menjadi bekalan di dunia dan di akhirat. InsyaAllah.

Mohd 'Adli Zahri

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)

Universiti Sains Malaysia

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL.....	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI TRANSLITERASI	xvi
ABSTRAK	xvii
ABSTRACT	xix

BAB 1 - PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	1
1.3 Pernyataan Masalah.....	6
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian.....	10
1.6 Definisi Operasional Kajian	12
1.6.1 Penentu pemilihan.....	12
1.6.2 Pelaburan Dana Unit Amanah Islam (DUAI).....	13
1.6.3 Pelabur Muslim	14
1.7 Skop dan Batasan Kajian.....	15
1.8 Kepentingan Kajian.....	16
1.9 Organisasi Tesis	17
1.10 Kesimpulan.....	18

BAB 2 - KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA

2.1	Pengenalan	19
2.2	Kajian Lepas.....	19
2.2.1	Kajian Pemilihan Kewangan Islam.....	19
2.2.2	Kajian Pelaburan Dana Unit Amanah (DUA).....	23
2.2.3	Kajian Pelaburan Dana Unit Amanah Islam (DUAI)	25
2.3	Sorotan Karya.....	29
2.3.1	Falsafah Pelaburan Islam	30
2.3.1(a)	Dana Unit Amanah Islam (DUAI).....	32
2.3.1(b)	Kriteria Dana Unit Amanah Islam.....	33
2.3.1(c)	Penentu Pemilihan Dana Unit Amanah Islam	35
2.3.2	Kepatuhan Beragama	36
2.3.3	Kepatuhan Beragama Sebagai Mediator	53
2.3.4	Persepsi	55
2.3.5	Kefahaman	61
2.3.6	Kesedaran.....	66
2.3.7	Pemasaran	68
2.3.8	Ciri-ciri Produk	70
2.3.9	Perkhidmatan.....	73
2.3.10	Demografi	76
2.4	Analisis Sorotan Karya.....	80
2.5	Kerangka Konseptual Kajian	81
2.6	Kesimpulan.....	83

BAB 3 - KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1	Pengenalan	84
3.2	Reka Bentuk Kajian	84
3.2.1	Kajian Kepustakaan	85
3.2.2	Kajian Empirikal	87
3.3	Pengumpulan Data	88
3.3.1	Kajian Lapangan	89
3.3.2	Justifikasi Pemilihan Lokasi Kajian.....	89
3.3.3	Populasi dan Sampel	91
3.3.4	Kaedah Pemilihan Sampel Kajian.....	92
3.3.5	Instrumen Kajian	92
3.3.5(a)	Soal Selidik Demografi Responden.....	93
3.3.5(b)	Soal Selidik Faktor Penyelidikan	93
3.3.6	Tatacara Kajian Lapangan.....	102
3.3.7	Kajian Rintis	102
3.4	Kaedah Penganalisan Data	109
3.4.1	Analisis Deskriptif	110
3.4.2	Analisis Inferens.....	111
3.4.3	Model PLS-SEM.....	112
3.4.3(a)	Merancang Struktur Model (<i>Model Structural</i>).....	112
3.4.3(b)	Merancang Pengukuran Model (<i>Measurement Model</i>).....	113
3.4.3(c)	Membina Diagram Jalur	114
3.4.3(d)	Peralihan Diagram Jalur ke Sistem Persamaan	114
3.4.3(e)	Penganggaran.....	118
3.4.3(f)	Kesesuaian Model (<i>Goodness of Fit</i>).....	118
3.4.3(g)	Pengujian Hipotesis	119

3.4.4	Penilaian Keputusan PLS-SEM Struktural Model.....	123
3.4.4(a)	Penilaian Kolineariti	123
3.4.4(b)	Penilaian Terhadap Kesignifikan Hubungan Dalam Struktur Model	123
3.4.4(c)	Penilaian Terhadap Tahap <i>R square</i> (R^2).....	124
3.4.4(d)	Penilaian Terhadap Saiz Kesan <i>f square</i> (f^2).....	124
3.4.4(e)	Penilaian Terhadap Relevan Peramal <i>Q square</i> (Q^2)	125
3.4.4(f)	Penilaian Terhadap Kesan Saiz <i>q square</i> (q^2).....	125
3.4.5	Pendekatan Analisis Mediator.....	125
3.4.6	Prosedur Kaedah Kajian.....	126
3.5	Kesimpulan.....	129

BAB 4 - DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan	130
4.2	Kenormalan Data.....	130
4.3	Analisis Profil Responden	134
4.3.1	Ciri-Ciri Demografi Responden.....	135
4.3.2	Pendidikan Agama Responden	139
4.3.3	Anggaran Pelaburan, Syarikat Dipilih dan Jenis Pembiayaan.....	141
4.4	Penilaian Model PLS-SEM.....	144
4.4.1	Penilaian Model Hipotesis	144
4.4.2	Penilaian Model Pengukuran	145
4.4.3	Penilaian Struktur Model	150
4.5	Persepsi Dan Perbezaan Demografi Terhadap Dana Unit Amanah Islam	152
4.5.1	Analisis Tahap Responden Terhadap Pelaburan Dana Unit Amanah Islam (DUAI).....	153

4.5.1(a)	Tahap Skor Responden Terhadap Penentu Pelaburan Dana Unit Amanah Islam (DUAI).....	153
4.5.1(b)	Tahap Skor Responden Terhadap Penentu Intrinsik	155
4.5.1(c)	Tahap Skor Responden Terhadap Penentu Ekstrinsik.....	160
4.5.1(d)	Tahap Skor Responden Terhadap Kepatuhan Beragama ...	164
4.5.2	Analisis Perbezaan Demografi Responden Terhadap Penentu Pemilihan Pelaburan Dana Unit Amanah Islam (DUAI).....	169
4.5.2(a)	Perbezaan Penentu Pemilihan Pelaburan Dana Unit Amanah Islam Berdasarkan Jantina	169
4.5.2(b)	Perbezaan Penentu Pemilihan Pelaburan Dana Unit Amanah Islam Berdasarkan Umur	171
4.5.2(c)	Perbezaan Penentu Pemilihan Pelaburan Dana Unit Amanah Islam Berdasarkan Pendidikan.....	172
4.5.2(d)	Perbezaan Penentu Pemilihan Pelaburan Dana Unit Amanah Islam Berdasarkan Pendapatan	174
4.6	Penentu Pemilihan Pelaburan Dana Unit Amanah Islam (DUAI) Secara Langsung.....	175
4.6.1	Hubungan Langsung antara Konstruk Intrinsik Terhadap Pemilihan Pelaburan Dana Unit Amanah Islam (DUAI).....	179
4.6.1(a)	Hubungan Langsung antara Faktor Persepsi Terhadap Pemilihan Pelaburan Dana Unit Amanah Islam (DUAI).....	179
4.6.1(b)	Hubungan Langsung antara Faktor Kefahaman Terhadap Pemilihan Pelaburan Dana Unit Amanah Islam (DUAI)	181
4.6.1(c)	Hubungan Langsung antara Faktor Kesedaran Terhadap Pemilihan Pelaburan Dana Unit Amanah Islam (DUAI)	182

4.6.2	Hubungan Langsung antara Konstruk Ekstrinsik Terhadap Pemilihan Pelaburan Dana Unit Amanah Islam (DUAI).....	183
4.6.2(a)	Hubungan Langsung antara Faktor Pemasaran Terhadap Pemilihan Pelaburan Dana Unit Amanah Islam (DUAI)	184
4.6.2(b)	Hubungan Langsung antara Faktor Ciri-Ciri Produk Terhadap Pemilihan Pelaburan Dana Unit Amanah Islam (DUAI)	185
4.6.2(c)	Hubungan Langsung antara Faktor Perkhidmatan Terhadap Pemilihan Pelaburan Dana Unit Amanah Islam (DUAI)	186
4.6.3	Hubungan Langsung antara Faktor Kepatuhan Beragama Terhadap Pemilihan Pelaburan Dana Unit Amanah Islam (DUAI).....	187
4.7	Kesan Mediator Terhadap Penentu Pemilihan Pelaburan Dana Amanah Islam (DUAI)	189
4.7.1	Kepatuhan Beragama Sebagai Mediator Terhadap Hubungan Antara Konstruk Intrinsik Dengan Pemilihan Pelaburan Dana Unit Amanah Islam (DUAI)	192
4.7.1(a)	Kepatuhan Beragama Sebagai Mediator Terhadap Hubungan Antara Faktor Persepsi Dengan Pemilihan Pelaburan DUAI	192
4.7.1(b)	Kepatuhan Beragama Sebagai Mediator Terhadap Hubungan Antara Faktor kefahaman Dengan Pemilihan Pelaburan DUAI	193
4.7.1(c)	Kepatuhan Beragama Sebagai Mediator Terhadap Hubungan Antara Faktor Kesedaran Dengan Pemilihan Pelaburan DUAI	193

4.7.2	Kepatuhan Beragama Sebagai Mediator Terhadap Hubungan Antara Konstruk Ekstrinsik Dengan Pemilihan Pelaburan Dana Unit Amanah Islam (DUAI)	194
4.7.2(a)	Kepatuhan Beragama Sebagai Mediator Terhadap Hubungan Antara Faktor Pemasaran Dengan Pemilihan Pelaburan DUAI	194
4.7.2(b)	Kepatuhan Beragama Sebagai Mediator Terhadap Hubungan Antara Faktor Ciri-Ciri Produk Dengan Pemilihan Pelaburan DUAI.....	195
4.7.2(c)	Kepatuhan Beragama Sebagai Mediator Terhadap Hubungan Antara Faktor Perkhidmatan Dengan Pemilihan Pelaburan DUAI.....	195
4.5	Rumusan Model Dapatan Kajian	196
4.6	Penilaian Kuasa Peramal R^2	200
4.7	Penilaian Kuasa Kesan Saiz f^2	202
4.8	Penilaian Kerelevanan Peramal Q^2	202
4.9	Penilaian Saiz Kesan q^2	203
4.10	Kesimpulan.....	205

BAB 5 - PENUTUP

5.1	Pengenalan	207
5.2	Dapatan Dan Rumusan Kajian	207
5.3	Implikasi Kajian dan Cadangan Dasar	214
5.3.1	Implikasi Teoretikal	214
5.3.2	Implikasi Praktikal	215
5.3.2(a)	Implikasi Kepada Pengendali DUAI	215
5.3.2(b)	Implikasi Kepada Pelabur DUAI.....	217
5.4	Sumbangan Kajian	219
5.5	Cadangan Kajian Masa Hadapan	220
5.6	Kesimpulan.....	222

BIBLIOGRAFI.....	223
-------------------------	------------

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1.1	Jumlah Unit Amanah Yang Diluluskan Di Malaysia	5
Jadual 1.3	Ringkasan Objektif dan Persoalan Kajian	11
Jadual 3.1	Faktor pemilihan dan dimensi pemilihan pelaburan dana amanah Islam (DUAI)	87
Jadual 3.2	Skor Skala Jawapan	94
Jadual 3.3	Struktur Senarai Soal Selidik	99
Jadual 3.4	Ujian kesahan dan kebolehpercayaan dengan SPSS	103
Jadual 3.5	Ujian Kesahan dan Kebolehpercayaan dengan SEM (PLS)	106
Jadual 3.6	Ujian kesahan dan kebolehpercayaan dengan SPSS (<i>composite reliability</i>)	109
Jadual 3.7	Ringkasan Objektif, Persoalan Kajian dan Kaedah Penyelidikan	122
Jadual 4.1	Keputusan Ujian <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i>	131
Jadual 4.2	Keputusan Ujian <i>Kolmogorov-Smirnov</i> dan <i>Shapiro-Wilk</i>	133
Jadual 4.3	Profil Responden	135
Jadual 4.4	Pendidikan Secara Formal	140
Jadual 4.5	Pendidikan Secara Tidak Formal	140
Jadual 4.6	Anggaran Pelaburan, Syarikat Dipilih dan Jenis Pembiayaan	142
Jadual 4.7	Nilai Pembeban (<i>Loadings</i>), <i>Average Variance Extracted</i> (AVE) dan <i>Composite Reliability</i> (CR)	146
Jadual 4.8	Nilai Korelasi AVE Setiap Penentu	148
Jadual 4.9	<i>Cross Loadings</i>	148
Jadual 4.10	Penilaian Kolineariti Faktor	151

Jadual 4.11	Peratusan dan Min Responden daripada Faktor Penentu Pelaburan Dana Amanah Islam (DAI)	154
Jadual 4.12	Peratusan dan Min Responden daripada Faktor Intrinsik Dimensi Persepsi, Kefahaman dan Kesedaran	156
Jadual 4.13	Peratusan dan Min Responden daripada Faktor Ekstrinsik Dimensi Pemasaran, Ciri-Ciri Produk dan Perkhidmatan	160
Jadual 4.14	Peratusan dan Min Responden daripada Faktor Kepatuhan Beragama (Ihsan)	164
Jadual 4.15	Hasil Pengujian T-test(Jantina)	170
Jadual 4.16	Hasil Pengujian ANOVA (Umur)	171
Jadual 4.17	Hasil Pengujian Anova (Pendidikan)	173
Jadual 4.18	Hasil Pengujian Anova (Pendapatan)	174
Jadual 4.19	Penilaian Kesignifikanan dan Kerelevanan Hubungan dalam Struktur Model (Secara Langsung)	178
Jadual 4.20	Penilaian Kesignifikanan dan Kerelevanan Hubungan dalam Struktur Model (Secara Tidak Langsung)	191
Jadual 4.21	Nilai R^2 bagi Pemboleh Ubah Bersandar	201
Jadual 4.22	Penentuan Ketepatan Peramalan (Q^2)	203

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 2.1	Model Konseptual Kajian	82
Rajah 3.1	Output Model Pengukuran dengan Smart-PLS	108
Rajah 3.2	Kerangka Model Berstruktur	114
Rajah 3.3	Prosedur Kaedah Kajian	128
Rajah 4.1	Analisis Sebelum Model Pengukuran	145
Rajah 4.2	Analisis Penilaian Multikolineariti	152
Rajah 4.3	Analisis SEM dengan Smart-PLS (Secara Langsung)	177
Rajah 4.4	Analisis SEM dengan Smart-PLS (Secara Tidak Langsung)	190
Rajah 4.5	Model Cadangan Pengkaji	199

SENARAI SINGKATAN

ASB	Amanah Saham Bumiputera
ASN	Amanah Saham Nasional
ASNB	Amanah Saham Nasional Berhad
BNM	Bank Negara Malaysia
BIMB	Bank Islam Malaysia Berhad
CPAM	CIMB Principal Asset Management
CWA	CIMB Wealth Advisor
DUA	Dana Unit Amanah
DUAI	Dana Unit Amanah Islam
FIMM	<i>Federation of Investment Managers Malaysia</i>
JTM	Jabatan Tenaga Manusia
LE	Laporan Ekonomi
MARS	Skala Sikap Muslim Terhadap Keagamaan
NO	Nombor
PLS-SEM	<i>Partial Least Square Structural Equation Modeling</i>
PNB	Permodalan Nasional Berhad
RM	Ringgit Malaysia
SAW	Sallallahu Alaihi Wasallam
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
SSM	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
SWT	Subhanahu Wa Ta'ala

SENARAI TRANSLITERASI

HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB
t	ط	-	ـ
z	ظ	b	ب
'	ء	t	ت
gh	ج	th	ث
f	ف	j	ج
q	ق	h	ح
l	ل	kh	ك
m	م	d	د
n	ن	dh	ذ
w	و	r	ر
h	هـ	z	ز
'	هـ	s	س
y	ي	sy	س
t	ت	s	س
	هـ	d	د

PENDEK		PANJANG		DIFTONG	
a	اَ	a	آ	ay	أَيَّ
i	اِ	i	إِي	aw	أَوَّ
u	اُ	u	أُو		

Sumber: *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Rumi*, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (1992)

PENENTU PEMILIHAN PELABURAN DANA UNIT AMANAH ISLAM

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis penentu pemilihan pelaburan Dana Unit Amanah Islam (DUAI) dalam kalangan pelabur Muslim di Kelantan. Secara spesifik, objektif kajian ini ialah pertama, mengenal pasti tahap persepsi dan perbezaan demografi terhadap pemilihan pelaburan DUA. kedua, menganalisis penentu yang mempengaruhi secara langsung terhadap pemilihan pelaburan DUA; dan ketiga, menganalisis penentu yang mempengaruhi secara tidak langsung terhadap pemilihan pelaburan DUA. Kajian ini bertitik tolak daripada trend menaik dalam pelaburan DUA dari tahun 2014 hingga tahun 2018, secara purata DUA menguasai 343.9 bilion (66.9 peratus) dari segi unit pelaburan dan RM332.8 bilion (87.6 peratus) dari segi nilai aset bersih daripada keseluruhan Dana Unit Amanah (DUA) di Malaysia. Peningkatan ini berlaku dengan ketara terhadap pelaburan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) yang merupakan salah satu daripada DUA. ASNB di negeri Kelantan mempamerkan kenaikan sebanyak 66.7 peratus untuk unit dalam edaran dan sebanyak 20.9 peratus untuk bilangan akaun dari tahun 2010 hingga 2015. Negeri Kelantan merupakan sebuah negeri yang terkenal dengan gaya hidup Islam termasuklah dari sudut perekonomian. Walau bagaimanapun, apakah faktor agama mempengaruhi penentu pemilihan pelaburan DUA? Adakah faktor intrinsik (persepsi, kefahaman dan kesedaran) atau faktor ekstrinsik (pemasaran, ciri-ciri produk dan perkhidmatan) mempengaruhi penentu pemilihan pelaburan DUA? Data daripada 300 responden dalam kalangan pelabur DUA di Kelantan dianalisis secara analisis kuantitatif dengan menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferens. Dapatan kajian mempamerkan pertama, tahap kepatuhan beragama berada pada tahap tinggi iaitu 4.29 dan faktor demografi tidak menunjukkan perbezaan dalam pemilihan pelaburan DUA dalam kalangan pelabur Muslim di

Kelantan. Kedua, semua faktor intrinsik dan ekstrinsik mempengaruhi secara langsung terhadap pemilihan pelaburan DUAI. Ketiga, faktor kepatuhan beragama boleh dijadikan sebagai pemboleh ubah mediator terhadap hubungan antara semua faktor kecuali faktor persepsi dan pemasaran. Implikasinya ialah pertama, implikasi teoretikal iaitu kepatuhan beragama yang berasaskan ihsan boleh dijadikan sebagai mediator. Kedua, implikasi praktikal iaitu pengendali DUAI harus memperbaiki kaedah pemasaran dan ciri-ciri produk yang ditawarkan.

THE CHOICE DETERMINANTS OF ISLAMIC UNIT TRUST FUND INVESTMENT

ABSTRACT

This study aims to analyze the choice determinants of Islamic Unit Trust Funds investment (DUI) among Muslim investors in Kelantan. Specifically, the objectives of this study are first, to identify the level of perception and demographic differences in the selection of DUI investment; second, to analyze the determinants that directly influence the selection of DUI investments; and third, to analyze the determinants that indirectly influence the selection of DUI investments. The study was triggered by the upward trend in DUI investment from 2014 to 2018, on average DUI dominated an amount of 343.9 billion (66.9 percent) in terms of investment units and RM332.8 billion (87.6 percent) in terms of net asset value of the entire Unit Trust Fund (DUA) in Malaysia. The increase was due to the significant investment in Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) which is one of DUI. ASNB in Kelantan presented that 66.7 per cent increase in units on circulation and 20.9 per cent in the number of accounts from 2010 to 2015. Kelantan is renowned for its Islamic lifestyle including the economy. However, what are the religious sense factors which might contribute to decision making in DUI? Do intrinsic factors (perception, understanding and awareness) or extrinsic factors (marketing, product and service features) influence the determinants of DUI investment choices? Data were collected from 300 respondents among DUI investors in Kelantan were analyzed by quantitative analysis using descriptive and inferential statistics. The findings of the study show that the religiosity level is 4.29 and the demographic factors do not show any difference in the choice of DUI investment among Muslim investors in Kelantan. Second, all intrinsic and extrinsic

factors directly influence the selection of DUAI investments. Third, religiosity factors can act as mediators variables in the relationship between all factors except perception and marketing factors. The implication are, first the theoretical implications of religiosity based on *ihsan* can serve as mediators. Second, the practical implications of DUAI operators should improve in the marketing methods and product features offered.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kajian ini bertujuan menganalisis penentu pemilihan pelaburan Dana Unit Amanah Islam (DUAI) dalam kalangan pelabur Muslim khususnya di negeri Kelantan. Pemilihan pelaburan DUAJ ini mempunyai penentu yang tersendiri dalam kalangan pelabur Muslim. Antara penentu yang penting ialah kepatuhan beragama dalam kalangan pelabur. Hal lebih menarik dalam kalangan pelabur Muslim di Kelantan kerana masyarakatnya terdedah dengan ajaran Islam, malah negeri Kelantan terkenal sebagai serambi Mekah telah sekian lama.

Sebagai bab pengenalan, perbincangan dalam bab ini terdiri daripada pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, definisi operasional, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian dan organisasi tesis.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pelaburan merupakan suatu aktiviti perniagaan yang dijangka akan mendatangkan pendapatan kepada pihak yang melabur. Namun sesuatu aktiviti pelaburan itu mestilah menepati hukum Syariah. Penetapan hukum ini berasaskan Al-Qur'an dan Al-Sunnah, Ijmak, Ijtihad dan Qiyas.

Allah SWT antara lain berfirman yang bermaksud:

“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesama kamu dengan jalan yang batil kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama suka di antara kamu. Dan janganlah kamu membunuh dirimu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Penyayang kepadamu” (An-Nisa’: 4: 29).

Golongan orang yang beriman adalah dilarang mengambil harta orang lain dengan cara tidak benar. Mereka dibolehkan melakukan perniagaan secara suka rela sahaja (Hamka, 1990: 1174).

Pelaburan merupakan salah satu jalan perniagaan. Antara pelaburan yang popular di Malaysia ialah Dana Unit Amanah (DUA). Dana Unit Amanah (DUA) diperkenalkan di Malaysia melalui syarikat Malayan Unit Trust Limited pada tahun 1959. Perkembangan Industri DUA di Malaysia sebenarnya dapat dibahagikan kepada empat tahap iaitu pertama, tahun pembentukan dari 1959 hingga 1979; kedua, tahun penggalakkan dari 1980 hingga 1990; ketiga, tahun pertumbuhan dari 1991 hingga 1999; dan keempat, alaf baru. Dua dekad pertama, iaitu semasa tahun pembentukan 1959 hingga 1979, perkembangan industri DUA agak lembab disebabkan kurangnya kesedaran masyarakat terhadap produk pelaburan baru (FIMM, 2005).

Bermula dari tahun 1980 hingga 1990, pertumbuhan industri DUA cukup pesat. Dalam tempoh tersebut, sebuah Jawatankuasa ditubuhkan untuk Tabung Unit Amanah bagi mengawal industri DUA. Jawatankuasa ini terdiri daripada wakil Bank Negara Malaysia (BNM), Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Pemegang Amanah Raya Malaysia dan Pendaftar Syarikat. Dalam tempoh ini juga, Perbadanan Nasional Berhad (PNB) melancarkan Dana Unit Amanah Bumiputra yang pertama iaitu

Amanah Saham Nasional (ASN). Berikutan, pelancaran Dana Unit Amanah Bumiputra Nasional yang kedua, Amanah Saham Bumiputera (ASB) pada tahun 1990, DUA terus bertumbuh. Sebagai langkah untuk menggalakkan lagi pertumbuhan industri DUA, duti setem ke atas pemindahan unit telah dikecualikan (FIMM, 2005).

Tempoh dari 1991 - 1999 pula menyaksikan pertumbuhan industri DUA paling pesat dari segi penubuhan institusi baru dan pertumbuhan tabung di bawah pengurusan. Apabila Garis Panduan Tabung Unit Amanah dan enakmen Akta Suruhanjaya Sekuriti diperkenalkan pada tahun 1993, maka orang ramai berpeluang mengetahui tentang DUA.¹

Selain DUA yang melibatkan semua bentuk pelaburan unit amanah, pada tahun 1993 DUA¹ telah dilancarkan oleh Arab-Malaysian Unit Trusts Berhad (kini dikenali sebagai Am Investment Services Berhad).² DUA¹ merupakan satu dana pelaburan kolektif yang menawarkan peluang pelaburan kepada pelabur dalam pelbagai portfolio sekuriti patuh Syariah (Yamin Ismail & Abdullah Alwi Haji Hassan, 2006).

¹ Hal ini telah memberi kesan terhadap pertumbuhan DUA sehingga berlaku krisis kewangan Asia pada 1997. Selepas krisis kewangan Asia pada 1997, pertumbuhan terus stabil bagi tabung di bawah pengurusan. Jumlah tabung di bawah pengurusan bertambah lebih daripada tiga kali ganda dari RM15.72 bilion pada akhir 1992 kepada RM59.95 bilion pada akhir 1996 (FIMM, 2005). Tempoh ini juga menyaksikan lebih banyak produk baru dalam industri diwujudkan dan peraturan kawal selia dilonggarkan.

² Aset kewangan tersebut dibeli pada masa ini dengan harapan untuk mendapat pendapatan dan keuntungan pada masa akan datang. Hal ini adalah iktibar yang boleh diambil daripada kebijaksanaan Nabi Yusuf semasa menjadi Bendahari Negara Mesir seperti dirakamkan dalam al-Quran (*Surah Yusuf*, 12: 47- 49).

DUI yang disenaraikan oleh Suruhanjaya Sekuriti tidak termasuk Dana Unit Amanah Saham Nasional yang diuruskan oleh Perbadanan Nasional Berhad (PNB). Namun, Dana Unit Amanah Saham Nasional sama ada ASN ataupun ASB sebenarnya adalah dikategori sebagai DUI. Hal ini kerana Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-80 yang bersidang pada 1 hingga 3 Februari 2008 telah memutuskan hukum melabur dalam ASB dan ASN adalah harus. Begitu juga Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dalam mesyuarat Jemaah Ulama' MAIK yang bersidang pada 27 Disember 2009 menfatwakan bahawa hukum pelaburan dalam skim ASB, ASN dan pelaburan-pelaburan lain seumpamanya adalah diharuskan.³ Negeri-negeri lain di Malaysia juga sepakat memfatwakan pelaburan ASN dan ASB adalah harus. Hal yang sama telah diputuskan di negeri Selangor pada 27 April 2017 dan Pulau Pinang pada 15 Ogos 2017. Berdasarkan keputusan ini, ASN dan ASB turut dianggap sebagai DUI dalam kajian ini.

³ Keputusan ini dibuat berdasarkan hujah-hujah berikut:

- i. Harus melabur dalam skim ASB, ASN dan seumpamanya kerana kedudukan ekonomi orang Melayu Islam di Negara ini yang disifatkan berada ditahap darurat. Darurat yang dimaksudkan di sini ialah dilihat dari aspek ekonomi ummat secara keseluruhan bukan dari sudut individu.
- ii. Pelaburan skim-skim ini dalam sektor yang halal lebih banyak daripada yang haram. Hukum berurusan dengan orang yang mempunyai harta yang halal lebih banyak daripada yang haram adalah harus. Rasulullah S.A.W dan para sahabat berurusan dengan orang Musyrikin yang mereka maklum tidak meninggalkan perkara yang haram sama sekali. Sementara bermuamalat dengan orang yang memiliki harta haram lebih banyak dari yang halal adalah makruh selama tidak diketahui atau tidak ditentukan Ain yang haram tersebut.

Jadual 1.1: Jumlah Dana Unit Amanah di Malaysia

Tahun	Jumlah Dana Unit Amanah		Jumlah Dana Unit Amanah Islam		Jumlah Dana Unit Amanah Nasional Berhad		Jumlah Dana Unit Amanah Islam (DUAI)		Peratusan DUA I (%)	
	Unit billion	RM billion	Unit billion	RM billion	Unit billion	RM billion	Unit billion	RM billion	Unit billion	RM billion
2014	425.4	343.0	94.6	46.7	191.8	244.3	286.4	291.0	67.3	84.8
2015	458.0	346.6	107.5	52.1	202.5	254.6	310.0	306.7	67.7	88.5
2016	496.9	358.5	128.2	60.9	211.6	266.4	339.8	327.3	68.3	91.3
2017	562.4	427.0	147.7	77.8	219.3	279.2	367.0	357.0	65.3	83.6
2018	629.2	426.2	176.1	83.5	236.6	298.5	412.7	382.0	65.6	89.6
Purata	514.4	380.3	130.9	64.2	212.4	268.6	343.9	332.8	66.9	87.6

Sumber: diubahsuai daripada Laporan Tahun Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Laporan Tahunan Perbadanan Nasional Berhad bagi tempoh 2014 - 2018

Jadual 1.1 mempamerkan perkembangan pelaburan DUA dan DUA I yang berada dalam edaran di Malaysia dari tahun 2014 hingga 2018. Jumlah unit DUA daripada 425.4 bilion pada tahun 2014 bertambah kepada 496.9 bilion pada tahun 2016 dan seterusnya kepada pada tahun 2018. Bagi nilai aset bersih pula telah meningkat daripada RM343.0 bilion pada tahun 2014 kepada RM358 bilion pada tahun 2016 dan kepada RM426.2 bilion. Nilai aset bersih telah meningkat sebanyak RM68.68 bilion iaitu 754.73 peratus. Bagi tempoh 2014 - 2018, secara purata jumlah unit DUA adalah sebanyak 514.4 bilion, manakala nilai aset bersih DUA pula adalah sebanyak RM380.3 bilion. Bagi tempoh tersebut, DUA I menguasai sebanyak 343.9 bilion iaitu 66.9 peratus dari segi unit pelaburan dan RM332.8 bilion iaitu 87.6 peratus dari segi nilai aset bersih. Ini mempamerkan kelebihan kepada pihak pengurusan DUA I kerana telah menguasai nilai aset bersih sebanyak 87.6 peratus walaupun pegangan unit DUA I hanya 66.9 peratus.

1.3 Pernyataan Masalah

Pemegang unit dalam DUAI bukannya pemegang saham dalam sesebuah syarikat tetapi sebaliknya merupakan benefisiari di bawah amanah yang diwujudkan oleh penganjur dalam DUAI (FIMM, 2005). Oleh yang demikian, dalam menentukan pemilihan pelaburan dalam DUAI, para pelabur mempertimbangkan beberapa faktor sebelum membuat pelaburan dalam DUAI. Persoalan pertama, apakah faktor yang menjadi pertimbangan dalam kalangan pelabur DUAI? Berdasarkan tulisan terdahulu, antara faktor tersebut adalah seperti berikut.

Pertama, persepsi pelabur terhadap patuh Syariah dan saiz dana DUAI. Dapatan kajian Mohammed Kamil et. al., (2018) membuktikan bahawa persepsi ke atas patuh Syariah dan saiz dana sangat mempengaruhi dalam pemilihan DUAI dalam kalangan pelabur runcit di Malaysia. Nurasyikin Jamaludin, Smith dan Gerrans (2012) pula mendapati bahawa faktor patuh Syariah menjadi faktor pemilihan pelabur yang paling penting dalam memilih DUAI dalam kalangan pelabur Islam. Sebaliknya, saiz dana pula adalah kriteria yang paling rendah dipertimbangkan semasa pemilihan pelaburan DUA sama ada pelabur Islam ataupun pelabur bukan Islam (Nurasyikin Jamaludin, Smith & Gerrans, 2012).

Kedua, kefahaman pelabur terhadap DUAI. Ia meliputi kefahaman mereka terhadap kecairan, fleksibel, kos pengurusan, faedah cukai, kualiti perkhidmatan, pulangan, ketelusan dan jaminan (Vipparthi & Margam, 2012). Antara yang penting ialah kefahaman pelabur ialah DUAI boleh digunakan sebagai instrumen lindung nilai semasa krisis. Kajian Fikriyah Abdullah, Taufiq Hassan dan Shamsheer Mohamad (2007) mendapati DUAI kurang berisiko dibandingkan dengan DUA

lazim khususnya semasa tempoh krisis ekonomi. Malah pelabur cenderung menukar pelaburan kepada DA lebih baik prestasi daripada DA yang kurang prestasi.

Ketiga, kesedaran pelabur terhadap DUAI. Kajian Khitoliya (2014) mendapati bahawa kurang 50 peratus daripada responden menyedari tentang kepentingan pelaburan DUA lazim. Di Malaysia kajian Zaimah Ramli (2010) mendapati bahawa 44 peratus daripada responden menaruh minat untuk melabur pada masa hadapan sekiranya berpeluang dan berkemampuan demi untuk keperluan pendidikan anak. Kajian Chaturvedi dan Khare (2012) mendapati bahawa pekerjaan, tahap pendidikan dan pendapatan memberi kesan kepada tahap kesedaran pelabur terhadap pelbagai saluran pelaburan. Saini, Anjum dan Saini (2011) pentingnya kesedaran pelabur terhadap prestasi masa lalu dana, rekod dividen lalu dan kestabilan pulangan. Umur dan pendidikan mempunyai hubungan signifikan dengan kesedaran terhadap DA lazim pada tahap 5 peratus (Raja Rehan, Saba Naz, Imran Umer & Omais Ahmed (2018).

Keempat, pemasaran DUAI kepada pelabur. Di Malaysia pengguna Muslim masih kurang diberi pendedahan tentang produk-produk kewangan Islam (Hussain Salamon & Maisaroh Mat Saad, 2010). Namun dalam DUA, kajian Zaimah Ramli (2010) mendapati 78.3 peratus responden mengetahui mengenai saham amanah ini melalui media massa. Hal ini penting kerana kajian Saini, Anjum dan Saini (2011) mendapati majoriti pelabur memerlukan maklumat melalui komunikasi yang sesuai untuk menggalakkan mereka membuat pelaburan dalam berbagai DUAI.

Kelima, ciri-ciri produk DUAI. Kebanyakan pelabur biasanya memilih pelaburan yang risiko rendah, kemampuan, pengurusan yang profesional, kecairan (mudah tebus), fleksibiliti dan prestasi yang baik (Sharma, 2013). Pelabur

menganggap pelaburan dana amanah merupakan satu tempat pelaburan yang selamat berbanding pelaburan langsung (Vyas, 2012). Kajian Naail Mohammed Kamil et. al., (2018) membuktikan ciri-ciri produk iaitu saiz dana dan dana patuh Syariah mempunyai hubungan yang signifikan.

Keenam, perkhidmatan kepada pelabur DUA. Ketelusan dalam pelaburan amat diberi perhatian oleh kalangan pelabur. Raja Rehan, Saba Naz, Imran Umer dan Omais Ahmed (2018) mempamerkan bahawa ketelusan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pelaburan DA pada tahap 5 peratus. Vipparthi dan Margam (2012) mendapati pelabur berpendapat syarikat swasta mengenakan caj lebih tinggi berbanding syarikat kerajaan. Oleh itu, pengurus DUA hendaklah mengambil berat tentang pengenaan caj dalam urusan jual-beli saham amanah. Hal ini penting sama ada dalam kalangan orang bandar ataupun luar bandar (Thambiah et. al., 2011).

Persoalan kedua, apakah penentu pemilihan pelabur DUA dalam kalangan pelabur Muslim di Kelantan? Pelaburan dalam DUA (ASNB) di negeri Kelantan mempamerkan kenaikan sebanyak 66.7 peratus untuk unit dalam edaran dan sebanyak 20.9 peratus untuk bilangan akaun dari tahun 2010 hingga 2015 (*Utusan Online*, 16 Mac 2016).⁴ Oleh itu, pemilihan pelabur Muslim di Kelantan bagi kajian disebabkan dua faktor utama. Pertama, Kelantan dikenali sebagai Serambi Mekah yang telah sekian lama terdedah dengan nilai-nilai keIslaman. Malah sehingga kini perniagaan masih merupakan kegiatan ekonomi yang penting khususnya dalam kalangan wanita Muslim di Kelantan (Mohd Zain Mubarak, Asyraf Ab. Rahman & Mohd Rafi Yaacob, 2015). Kedua, PAS telah memerintah Kelantan dari tahun 1959

⁴ Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Permodalan Nasional Bhd., Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman menyebut bahawa dari segi unit dalam edaran, daripada lebih 200 bilion unit keseluruhannya, sebanyak 8.2 bilion unit atau 4.0 peratus dipegang oleh rakyat Kelantan. Bagi bilangan akaun pula, sebanyak enam peratus atau 740,000 daripada keseluruhan 12.5 juta akaun unit amanah ASNB merupakan milik warga negeri Kelantan (*Utusan Online*, 16 Mac 2016).

hingga 1978 dan dari tahun 1990 hingga sekarang. Malah mulai tahun 1990 PAS telah melancarkan slogan “Membangun Bersama Islam” yang bermaksud Islam hendaklah dijadikan sebagai satu cara hidup dalam urusan politik, pentadbiran ekonomi⁵ dan sosial di Kelantan (Nurul Syahidah Roslan & Mohd Adib bin Ismail, 2013). Atas alasan tersebut telah mendorong pengkaji untuk mengetahui apakah yang menentukan pemilihan pelaburan dalam DUAJ dan seterusnya mengkaji apakah kepatuhan beragama boleh dijadikan penentu utama dan sebagai mediator dalam menganalisis penentu pemilihan pelaburan dalam DUAJ di Kelantan?

1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini berhasrat mengenal pasti dan menganalisis penentu pemilihan terhadap pelaburan Dana Amanah Islam (DUAJ) dalam kalangan pelabur Muslim di Kelantan. Secara khusus, kajian ini mempunyai tiga objektif iaitu:

- i. Menenal pasti tahap persepsi dan perbezaan demografi terhadap pemilihan pelaburan DUAJ dalam kalangan pelabur Muslim di Kelantan.
- ii. Menganalisis penentu yang mempengaruhi secara langsung terhadap pemilihan pelaburan DUAJ.
- iii. Menganalisis penentu yang mempengaruhi secara tidak langsung terhadap pemilihan pelaburan DUAJ.

⁵ Antara aktiviti ekonomi yang mengikut cara Islam di Kelantan adalah memindahkan semua wang kerajaan ke Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), memperkenalkan system qardu hassan bagi kakitangan kerajaan untuk pinjaman kenderaan dan perumahan serta memperkenalkan sistem gadaian Islam iaitu ar-rahnu.

1.5 Persoalan Kajian

Bagi mencapai ketiga-tiga objektif tersebut, persoalan-persoalan tersebut perlu diberi perhatian:

- i. Apakah tahap persepsi responden terhadap penentu pemilihan pelaburan DUAI?
- ii. Apakah terdapat perbezaan demografi terhadap penentu pemilihan pelaburan DUAI?
- iii. Bagaimanakah kepatuhan beragama dapat berpengaruh terhadap penentu pemilihan pelaburan Dana Amanah Islam?
- iv. Bagaimanakah faktor intrinsik dapat mempengaruhi penentu pemilihan pelaburan Dana Amanah Islam?
- v. Bagaimanakah faktor ekstrinsik dapat mempengaruhi penentu pemilihan pelaburan Dana Amanah Islam?
- vi. Bagaimanakah pengaruh kepatuhan beragama sebagai mediator terhadap hubungan antara faktor intrinsik dengan penentu pemilihan pelaburan Dana Amanah Islam?
- vii. Bagaimanakah pengaruh kepatuhan beragama sebagai mediator terhadap hubungan antara faktor ekstrinsik dengan penentu pemilihan pelaburan Dana Amanah Islam?

Jadual 1.2: Ringkasan Objektif dan Persoalan Kajian

Objektif Kajian	Persoalan Kajian
1. Mengenal pasti tahap persepsi dan perbezaan demografi terhadap pemilihan pelaburan DUAI dalam kalangan pelabur Muslim di Kelantan	<ul style="list-style-type: none">i. Apakah tahap persepsi responden terhadap penentu pemilihan pelaburan DUAI?ii. Apakah terdapat perbezaan demografi terhadap penentu pemilihan pelaburan DUAI?
2. Menganalisis penentu yang mempengaruhi secara langsung terhadap pemilihan pelaburan DUAI	<ul style="list-style-type: none">iii. Bagaimanakah kepatuhan beragama mempengaruhi penentu pemilihan pelaburan DUAI?iv. Bagaimanakah faktor intrinsik dapat mempengaruhi penentu pemilihan pelaburan DUAI?v. Bagaimanakah faktor ekstrinsik dapat mempengaruhi penentu pemilihan pelaburan DUAI?
3. Menganalisis penentu yang mempengaruhi secara tidak langsung terhadap pemilihan pelaburan DUAI	<ul style="list-style-type: none">vi. Bagaimanakah pengaruh kepatuhan beragama sebagai mediator terhadap hubungan antara faktor intrinsik dengan penentu pemilihan pelaburan DUAI?vii. Bagaimanakah pengaruh kepatuhan beragama sebagai mediator terhadap hubungan antara faktor ekstrinsik dengan penentu pemilihan pelaburan DUAI?

1.6 Definisi Operasional Kajian

Dalam bahagian definisi operasional, penyelidik menjelaskan maksud istilah yang menjadi kata kunci yang digunakan dalam kajian ini. Terdapat dua kata kunci yang digunakan iaitu penentu pemilihan dan pelaburan dana amanah Islam (DUAI).

1.6.1 Penentu pemilihan

Penentu pemilihan bermaksud faktor yang menentukan dalam tatacara proses membuat sesuatu keputusan.⁶ Antara penentu pemilihan pelaburan dalam kalangan masyarakat Muslim ialah pertama, persepsi pelabur terhadap patuh Syariah dan saiz dana DUA (Mohammed Kamil et. al., 2018), kepatuhan beragama (Nurasyikin Jamaludin, Smith & Gerrans, 2012). Kedua, kefahaman terhadap kecairan, fleksibel, kos pengurusan, faedah cukai, kualiti perkhidmatan, pulangan, ketelusan dan jaminan (Vipparthi & Margam, 2012) dan instrumen lindung nilai semasa krisis (Fikriyah Abdullah, Taufiq Hassan & Shamsheer Mohamad, 2007).

Ketiga, kesedaran pelabur tentang kepentingan pelaburan DUA lazim (Khitoliya, 2014) dan prestasi masa lalu dana, rekod dividen lalu serta kestabilan pulangan (Saini, Anjum & Saini, 2011). Keempat, pendedahan masih kurang diberikan produk-produk kewangan Islam (Hussain Salamon & Maisaroh Mat Saad, 2010). Malah mendapati majoriti pelabur memerlukan maklumat melalui komunikasi yang sesuai (Saini, Anjum & Saini, 2011).

⁶ Imran Tahir dan Brimble (2011) mendapati penentu pemilihan pelabur Muslim dapat dirumuskan kepada tiga faktor. Pertama, pelabur Muslim tidak suka mengambil risiko, oleh itu boleh dikatakan pelabur Islam sama dengan teori pelaburan modern. Kedua, pelabur Muslim yang lebih menghayati agama (*religious*), maka keputusan mereka lebih dipengaruhi oleh budaya Islam berbanding dengan teori portfolio modern. Ketiga, terdapat bukti yang menunjukkan bahawa elemen memaksimumkan kekayaan antara penentu dalam membuat pemilihan pelaburan Islam.

Kelima, kebanyakan pelabur biasanya memilih pelaburan yang risiko rendah, kemampuan, pengurusan yang profesional, kecairan (mudah tebus), fleksibiliti dan prestasi yang baik (Sharma, 2013; Vyas, 2012). Keenam, semua pihak menganggap ketelusan pentingnya dalam pelaburan dan pengenaan caj dalam urusan jual-beli (Thambiah et. al., 2011).

Penentu pemilihan yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah kepada penentu yang dipertimbangkan oleh pelabur DUAI ketika membuat keputusan pelaburan. Penentu tersebut dapat dikategorikan kepada intrinsik,⁷ ekstrinsik⁸ dan kepatuhan beragama.

1.6.2 Pelaburan Dana Unit Amanah Islam (DUAI)

Dana Unit Amanah Islam (DUAI) ialah skim pelaburan kolektif yang mengumpulkan simpanan para pelabur yang mempunyai objektif yang sama dalam satu tabung khas yang diuruskan oleh pengurus dana profesional. Wang yang dikumpulkan dalam DUAI kemudiannya akan dilabur dalam pelbagai portfolio yang terdiri daripada sekuriti dan aset lain patuh Syariah (FIMM, 2005).

Bagi DUAI diurus dan ditadbir mengikut keperluan Syariah, maka satu Majlis Penasihat Syariah (MPS) diperlukan untuk kawal selia perjalannya. Fungsi utama MPS adalah untuk menyelia dan memberikan nasihat yang perlu bagi

⁷ Ahmad Shukri Mohd Nain (2002) mengatakan faktor intrinsik ini melibatkan perhatian terhadap suatu rangsangan pancaendera di samping sangat dipengaruhi oleh faktor-faktor dalaman seperti biologi, fisiologi serta faktor-faktor sosial seperti jantina, agama, tahap pendidikan, pekerjaan, status sosial dan sebagainya.

⁸ Blackwell et al. (2006) membincangkan faktor ekstrinsik ialah faktor yang dipengaruhi daripada luar diri sendiri seperti keluarga, budaya, situasi, teknologi, norma masyarakat dan sebagainya.

memastikan DUAI berteraskan Syariah yang ditawarkan kepada orang ramai diurus dan ditadbir mengikut keperluan Syariah (FIMM, 2005).

Dalam mengelaskan status Syariah bagi sekuriti yang didagangkan, MPS menerima input dan sokongan daripada Suruhanjaya Sekuriti. Suruhanjaya Sekuriti mengumpulkan maklumat tentang syarikat daripada berbagai-bagai sumber, seperti laporan kewangan tahunan syarikat, jawapan syarikat kepada borang tinjauan dan melalui pertanyaan yang dibuat kepada pengurusan syarikat masing-masing (FIMM, 2005).

Dengan itu, dapatlah disimpulkan bahawa definisi Dana Unit Amanah Islam yang dipakai dalam kajian ini ialah dana patuh Syariah yang diuruskan oleh pengurusan dana profesional.

1.6.3 Pelabur Muslim

Pelabur adalah golongan yang menggunakan wang atau dana bagi menghasilkan pulangan yang lebih pada masa depan. Pelaburan dalam unit amanah adalah pelaburan yang dilindungi bagi memberi kesempatan kepada orang yang kurang kemampuan dan kurang pengetahuan tentang pelaburan untuk berkongsi pasaran dengan pelabur-pelabur besar dan di pasaran saham (Barjoyai Bardai & Mohd. Fairuz Md. Salleh, 1998).

Pelaburan boleh dilihat daripada dua sudut, iaitu sosial dan ekonomi (Ismail Ibrahim, 1994). Pelaburan dari sudut sosial bermaksud sumber kekayaan dengan merujuk kepada pertambahan pelaburan sebagai menunjukkan kekayaan. Pelaburan dari sudut ekonomi pula, pelaburan bermaksud penglibatan dana pada masa sekarang

bagi memperoleh pendapatan pada masa hadapan. Dengan kata lain, pelabur adalah merujuk kepada penggunaan wang yang dimiliki oleh seseorang individu untuk membuat pelaburan dengan harapan mendapat pulangan yang sewajarnya pada masa hadapan (Zaimah Ramli, 2010).

Pelabur Muslim bermaksud golongan yang bersedia mengambil risiko bagi modal yang akan dilaburkannya (Muhammad Yamin Ismail & Abdullah Alwi Haji Hassan, 2006). Pelabur Muslim yang dipilih kajian ini mempunyai tiga ciri berikut. Pertama, pelabur mempunyai akaun pelaburan dalam DUAI. Kedua, pelabur yang dipilih adalah Muslim. Ketiga, pelabur yang dipilih adalah bekerja dan menetap di Kelantan.

1.7 Skop dan Batasan Kajian

Skop kajian ini ialah untuk mengenal pasti dan menganalisis penentu pemilihan terhadap pelaburan Dana Amanah Islam (DUAI) dalam kalangan pelabur Muslim di Kelantan. Ia meliputi tiga aspek utama, iaitu pertama, mengenal pasti tahap persepsi dan perbezaan demografi terhadap pemilihan pelaburan DUAI dalam kalangan pelabur Muslim di Kelantan.

Kedua, menganalisis penentu yang mempengaruhi secara langsung terhadap pemilihan pelaburan DUAI. Ketiga, menganalisis penentu yang mempengaruhi secara tidak langsung terhadap pemilihan pelaburan DUAI. Untuk menentukan kajian ini lebih fokus, maka batasan kajian ditetapkan melibatkan batasan subjek kajian, batasan sampel/tempat dan batasan analisis.

i. Batasan subjek kajian

Subjek kajian ini terhad kepada penentu pelabur Muslim di Kelantan memilih pelaburan dana unit amanah Islam. Oleh yang demikian, tinjauan yang dijalankan dalam kajian lapangan terhad kepada matlamat untuk mengenal pasti penentu pemilihan pelabur Muslim terhadap pelaburan DUAI.

ii. Batasan sampel/tempat

Responden kajian ini hanya melibatkan pelabur Muslim yang melabur dalam DUAI di Kelantan. Pemilihan ini dibuat kerana ingin melihat sejauh mana penentu pemilihan pelabur Muslim di Kelantan terhadap pelaburan DUAI.

iii. Batasan analisis

Analisis kajian dilakukan menggunakan kaedah kuantitatif dengan mengaplikasikan penganalisan deskriptif dan statistik inferens melalui pembentukan set soal selidik yang bakal diisi oleh pelabur Muslim di Kelantan. Pembentukan kerangka konseptual pelabur Muslim di Kelantan terhadap penentu pemilihan pelaburan DUAI dibuat dengan menggunakan kaedah analisis kepustakaan.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini sekurang-kurangnya mempunyai dua kepentingan seperti berikut:

- i. Pelaburan DUAI merupakan satu instrumen yang patuh Syariah. Walaupun ASN dan ASB difatwakan harus namun masih terdapat dalam pelabur di Malaysia masih ragu dalam membuat keputusan untuk melabur. Dapatan

kajian ini membolehkan faktor penentu pemilihan pelabur terhadap pelaburan DUAI difahami dan dapat melihat tahap kepatuhan beragama dalam pemilihan pelaburan DUAI.

- ii. Dapatan kajian ini turut memberi manfaat kepada pengendali DUAI agar meningkatkan kualiti perkhidmatan dan mengadakan lebih banyak promosi untuk menarik minat para pelabur lebih-lebih lagi dalam kalangan pelabur Muslim. Kajian ini juga dapat mengisi lompong kajian mengenai DUAI terutamanya penentu pemilihan terhadap DUAI seterusnya melengkapkan kajian mengenai DUAI yang sedia ada.

1.9 Organisasi Tesis

Tesis ini mengandungi perbincangan sebanyak lima bab. Bab 1 merupakan bab pendahuluan yang meliputi pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif dan persoalan kajian, definisi operasional kajian, kepentingan kajian, sumbangan kajian dan organisasi tesis.

Bab 2 pula membincangkan kajian lepas dan sorotan karya berkaitan dengan pelaburan Dana Amanah Islam (DUAI) dan penentu pemilihan terhadap pelaburan dana amanah Islam. Bab ini cuba membandingkan kajian-kajian dan sorotan karya yang sedia ada mengikut tema dalam kajian dan seterusnya menunjukkan lompong kajian. Dalam bab ini juga akan menunjukkan kerangka konseptual kajian hasil daripada sorotan karya dan kajian yang dilakukan.

Bab 3 menjelaskan kaedah penyelidikan yang akan digunakan dalam kajian ini seterusnya bagi mencapai objektif kajian dan menjawab persoalan kajian seperti

yang telah ditetapkan dalam Bab 1. Kaedah penyelidikan ini terdiri daripada tiga bahagian iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisan data.

Bab 4 memberi tumpuan kepada hasil penemuan kajian berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada tinjauan melalui penggunaan borang soal selidik. Dapatan analisis deskriptif dan analisis inferens diperihalkan bagi mencapai objektif kedua dan ketiga kajian iaitu, menganalisis dan merumuskan penentu pemilihan pelaburan Dana Amanah Islam (DUAI) dalam kalangan pelabur Muslim di Kelantan.

Bab 5 merupakan bab penutup dan rumusan daripada keseluruhan tesis. Ia juga turut menyentuh implikasi dan cadangan hasil penemuan kajian selain saranan-saranan untuk kajian akan datang.

1.10 Kesimpulan

Bab ini telah memberi gambaran tentang latar belakang pelaburan dana amanah Islam (DUAI) dan perkembangan semasanya di Malaysia. Pernyataan masalah dan tujuan kajian melalui objektif kajian dan persoalan kajian turut dibincangkan dalam bab ini. Berikutan pemerihalan tentang definisi operasional yang berkaitan dengan kajian ini selain skop dan batasan serta kepentingan kajian. Akhir sekali dengan menggariskan organisasi keseluruhan tesis.

BAB 2

KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA

2.1 Pengenalan

Dalam bab 1 disebut bahawa kajian ini bertujuan menganalisis penentu pemilihan pelaburan dana unit amanah Islam (DUAI) dalam kalangan pelabur Muslim di Kelantan. Bagi mencapai tujuan tersebut, perbincangan dalam bab ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama menyatakan kajian-kajian lepas yang meliputi kajian tentang pemilihan perbankan dan kewangan Islam, gelagat pengguna, dan kajian tentang pemilihan pelaburan DUA serta dana unit amanah (DUA). Bahagian kedua membuat sorotan terhadap karya-karya yang berkaitan dengan penentu pemilihan terhadap pelaburan DUA yang akhirnya membawa kepada pembentukan kerangka konseptual kajian yang digunakan dalam kajian ini.

2.2 Kajian Lepas

Dalam bahagian kajian lepas, penyelidik membahagikan penentu pemilihan kepada tiga sub-topik iaitu pertama, kajian pemilihan kewangan Islam; kedua, kajian pelaburan DUA; dan ketiga, kajian pelaburan DUA. Kajian tentang ketiga-tiga perkara tersebut adalah seperti berikut.

2.2.1 Kajian Pemilihan Kewangan Islam

Sistem kewangan Islam yang sedang diamalkan di Malaysia telahpun mendapat pengiktirafan sebagai sebuah sistem kewangan Islam yang paling komprehensif di

dunia. Antara komponen yang paling dalam sistem tersebut merangkumi perbankan Islam, takaful, pelaburan Islam (Mohd Izuwan Mahyudin & Azizi Che Seman, 2015). Oleh yang demikian, sorotan kajian lepas untuk kajian ini meliputi penentu pemilihan perbankan dan produk Islam serta penentu pemilihan takaful.

Antara dapatan yang menarik tentang penentu pemilihan perbankan Islam ialah kebanyakan responden berpendapat bahawa perbankan Islam akan mendominasi perbankan konvensional pada masa hadapan (Abdul Aziz Abdullah, Rokiah Sidek dan Ahmad Azrin Adnan, 2012). Dapatan ini mempamerkan bahawa produk yang ditawarkan oleh perbankan Islam sesuai kepada semua lapisan masyarakat pada masa kini sama ada individu itu beragama Islam atau sebaliknya. Hal ini kerana mereka yang berpendidikan tinggi mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang lebih baik mengenai produk dan perkhidmatan perbankan Islam.

Dalam kalangan orang Islam sendiri, Ahmad Azrin Adnan (2010) mendapati bahawa terdapat lapan penentu utama pemilihan perbankan Islam menurut Muslim ideal iaitu pertimbangan halal dan haram, penggunaan berkualiti, pulangan *maslahat*, penggunaan mengikut keutamaan, reputasi dan pengesyoran, ciri-ciri produk dan perkhidmatan, keselesaan, pemasaran dan pengiklanan.

Namun begitu, kepatuhan beragama merupakan penentu penting dalam pemilihan perbankan Islam terutamanya dalam kalangan umat Islam. Dapatan Nor Hatizal Amarul Shah (2017) mempamerkan di Malaysia, penentu kepatuhan beragama dalam kalangan pelanggan perbankan Islam mempunyai hubungan signifikan (nilai $t = 1.691$, $p \leq 0.05$) terhadap pemilihan pembiayaan perumahan *musyarakat mutanaqisat*. Abou-Youssef, Kortam, Abou-Aish, dan El-Bassiouny (2015) telah meneroka kesan kepatuhan terhadap sikap pengguna terhadap perbankan

Islam di Mesir. Begitu juga dapatan kajian Abdul Ghafoor Awan dan Maliha Azhar (2014) mempamerkan bahawa kepatuhan beragama mempunyai kesan kepada sikap pengguna terhadap perbankan Islam di Mesir.

Di samping itu, Metawa dan Almossawi (1998) mendapati bahawa tahap pendidikan adalah penting dalam kriteria pemilihan bank oleh pelanggan. Mereka menyatakan orang yang berpendidikan mempunyai pemahaman yang lebih baik terhadap operasi perbankan Islam. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Sudin Haron (1994) yang menunjukkan bahawa responden bukan Islam akan menimbang untuk mewujudkan hubungan perbankan dengan bank Islam sekiranya mereka mempunyai maklumat yang mencukupi mengenai operasi perbankan Islam. Bagi kriteria pemilihan produk dan perkhidmatan perbankan Islam pula, dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak ada profil demografi dan kriteria yang digunakan oleh pelanggan bukan Islam.

Dapatan kajian di luar negara misalnya di Kuwait Finance House, Kuwait turut mempamerkan hubungan yang positif antara kualiti perkhidmatan dan kepuasan pelanggan menjadi sebab pemilihan terhadap perbankan Islam (AbdulQawi Othman & Owen, 2001). Sebaliknya dapatan kajian Khazeh dan Decker (1992) telah menemui dua faktor penentu yang mempengaruhi pemilihannya iaitu polisi caj perkhidmatan dan kadar faedah yang dikenakan ke atas pinjaman bagi perbankan konvensional.

Untuk pembiayaan pula, Dalfiza Mohd Yusof (2013) melakukan kajian terhadap penentu pembiayaan perumahan *musyarakat mutanaqisat* dalam kalangan pengguna Muslim di Terengganu Selatan. Dapatan kajian mempamerkan bahawa terdapat enam faktor yang mempengaruhi penerimaan pelanggan terhadap

pembiayaan perumahan *musyarakat mutanaqisat* iaitu pulangan *maslahat*, keselesaan perkhidmatan, kefahaman, pemasaran, pertimbangan halal haram dan kepatuhan agama. Dapatan kajian Nor Hatizal Amarul Shah (2017) mempamerkan bahawa faktor promosi dan faktor kepatuhan beragama sahaja signifikan bagi pemilihan pembiayaan perumahan *musyarakah mutanaqisah* (MM) dalam kalangan pelanggan Muslim di Malaysia. Farah Amalina Md Nawwi, Ahmad Shukri Yazid dan Mustafa Omar Mohammed (2013) membuat rumusan bahawa berdasarkan sorotan kajian lepas, antara sebab utama mengapa pelanggan memilih perbankan Islam adalah kefahaman konsep perbankan Islam, kepatuhan beragama, tawaran dan kualiti produk, dan prospek serta potensi perbankan Islam.

Bagi penggadaian pula, kajian Salimah Yahaya (2016) mendapati faktor-faktor yang mempengaruhi usahawan kecil Muslim Kelantan mempunyai hubungan yang positif dan signifikan terhadap Ar-Rahnu antaranya dimensi pertimbangan halal haram, kefahaman, kos upah simpan, promosi serta ciri-ciri produk dan perkhidmatan.

Kajian tentang kewangan Islam pula, misalnya kajian tentang persepsi terhadap pemilihan takaful antaranya oleh Norafizah Mohd Makhtar (2009). Beliau memfokuskan kepada faktor mempengaruhi pemilihan insurans kesihatan untuk pelajar ijazah tinggi di Universiti Sains Malaysia. Beliau mendapati bahawa faktor pemilihan insurans kesihatan konvensional dipengaruhi oleh faktor kewangan, manakala faktor pemilihan takaful kesihatan dipengaruhi oleh faktor kefahaman dari aspek Islam, produk dan ciri-ciri produk.

Kajian oleh Amirul Ariffin Mansor, Raden Mohd Ngisomuddin, Masalah Mohamad, Nursidrah Zulkarnain dan Nor Atikah Aziz (2015) sebaliknya mendapati

bahawa persepsi dan kepatuhan beragama yang mempengaruhi pemilihan produk takaful di Malaysia. Ini bermakna pengguna Islam menganggap produk takaful adalah lebih baik daripada produk konvensional dan pengguna yang mempunyai nilai keagamaan yang lebih tinggi cenderung untuk memilih takaful. Dapatan kajian Nor Arini Abdullah (2017) juga mempamerkan kepatuhan beragama mempengaruhi pemilihan takaful selain daripada faktor kefahaman, kesedaran, kewangan dan niat.

Selain itu, faktor pemilihan takaful dalam kalangan korporat pula mendapati bahawa leveraj, kos kebangkrutan dijangka, pertimbangan cukai, saiz syarikat, dan pengurusan pemilikan memainkan peranan penting dalam menentukan pemilihan korporat terhadap takaful di Malaysia (Mohamad Abdul Hamid & Jamil Osman & Banny Ariffin Amin Noordin, 2009).

Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa kajian tentang faktor yang mempengaruhi pemilihan kewangan Islam adalah pelbagai. Antara faktor tersebut adalah kepatuhan beragama, kefahaman terhadap konsep kewangan Islam, kualiti produk/perkhidmatan (leveraj, keuntungan yang diberikan, kos kebangkrutan dijangka, pertimbangan cukai & pengurusan pemilikan), imej dan reputasi syarikat (saiz) serta pemasaran.

2.2.2 Kajian Pelaburan Dana Unit Amanah (DUA)

Dapatan kajian Muhammad Rusnah dan S. Susela Devi. (2006) misalnya membuktikan bahawa tahap keagamaan mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas pemilihan pelaburan dalam kalangan pelabur Melayu Muslim di Malaysia. Kesignifikanan pengaruhnya bagaimanapun hanyalah di tahap rendah, iaitu sebanyak 5 peratus tingkat keyakinan. Dalam kajian lain ke atas golongan peniaga Melayu

Muslim di Malaysia oleh Rusnah Muhamad dan Ab. Mumin Ab. Ghani (2006) turut mendapati hal yang sama dari segi kesignifikanan dan tahap pengaruhnya iaitu sebanyak 7 peratus.

Dalam kalangan pelabur runcit di Malaysia pula dapatan kajian Naail Mohammed Kamil et. al., (2018) mempamerkan bahawa persepsi terhadap saiz dana dan patuh Syariah sangat mempengaruhi dalam pemilihan pelaburan DUA. Namun begitu, tidak terdapat bukti yang cukup untuk menyokong dakwaan bahawa persepsi terhadap prestasi masa lalu dan toleransi risiko mempengaruhi pemilihan DUA.

Merdad dan Hassan (2012) telah menggunakan sampel DUA dan DUAI yang diuruskan oleh Bank HSBC di Arab Saudi dari Januari 2003 hingga Januari 2010. Mereka mencadangkan bahawa DUAI menyediakan perlindungan nilai kepada pelabur kerana keupayaan DUAI untuk menghasilkan pulangan yang positif semasa pasaran DUA mengalami penurunan harga. Hal ini disokong oleh dapatan kajian Fikriyah Abdullah, Taufiq Hassan dan Shamsheer Mohamad (2007). Mereka mendapati bahawa DUAI mempunyai prestasi yang lebih baik daripada DUA semasa keadaan ekonomi menurun, sebaliknya DUA menunjukkan prestasi lebih baik daripada DUAI semasa keadaan ekonomi menaik. Di samping itu, kedua-dua DUA dan DUAI tidak dapat mencapai sekurang-kurangnya 50 peratus tahap kepelbagaian pasaran dan pengurus dana tidak dapat mengenal pasti dengan teliti tawaran saham yang baik serta meramal pergerakan harga pasaran umum.

Namun hal ini berbeza dengan dapatan kajian Bin Mahfouz dan Hassan (2012) yang membandingkan prestasi 95 dana unit amanah (40 DUA dan 55 DUAI) yang disenaraikan di Saudi Stock Exchange dari Julai 2005 hingga Julai 2010.